

Terus perkasa tata kelola perkhidmatan awam: Safar

KOTA KINABALU: Tata kelola perkhidmatan awam harus terus diperkasa dalam memastikan sistem penyampaian berjiwa rakyat, kata Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Sr Safar Untong.



Menurut beliau, tadbir urus baharu di era digital perlu diberi fokus di setiap peringkat pengurusan seiring dengan peredaran zaman.

"Perkhidmatan awam harus terus bertransformasi daripada sistem tradisional kepada sistem pentadbiran kerajaan secara digital yang dapat memenuhi

keperluan mensejahterakan rakyat.

"Dalam hal ini, setiap agensi harus mempunyai persediaan mencukupi dan kukuh dalam menghadapi perubahan serta cabaran bagi merealisasikan sebuah kerajaan digital yang berintegriti sebagai asas perkhidmatan Madani.

"Justeru, tata kelola dalam perkhidmatan awam harus terus diperkasa dalam memastikan sistem penyampaian berjiwa rakyat dapat diterapkan di segenap lapisan," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 di sini, pada Selasa.

Safar menyeru kepada semua peserta konvensyen agar sentiasa cakna dan

fokus kepada matlamat utama dalam menginsankan perkhidmatan awam.

"Kita perlu bergerak seiring dalam menerapkan nilai individu dan organisasi untuk memastikan perkhidmatan awam sentiasa relevan serta dapat memenuhi keperluan dan aspirasi kerajaan membina Malaysia Madani," ujarnya.

Konvensyen selama dua hari bermula Isnin itu disertai oleh 2,300 penjawat awam negeri dan persekutuan.

Hadir sama, Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Makhzan Mahyuddin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Sabah, Datuk Zainuddin Aman dan Timbalan SKN (Pentadbiran), Datuk Diyanah Abdullah.